



**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA**  
**PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA**  
Blok C1 - C3, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-88853001  
Faks (Fax): 603-88892187  
Laman Web (Web): [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)

Ruj. Kami : JPA.BK(S) 134/8/2-8 Jld. 11 (27)  
Tarikh : 24 April 2019

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**URUSAN PEMANGKUAN PEMBANTU PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL  
GRED DV19 KE GRED DV22 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) sedang dalam proses **persediaan pengisian jawatan Pembantu Pegawai Latihan Vokasional (Pembantu PLV) Gred DV22 bagi tahun 2019/2020**. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan maklumat **Pembantu PLV Gred DV19** yang layak dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat berikut:-

- 2.1 **Disahkan dalam perkhidmatan;**
- 2.2 Dilantik sebagai Pembantu PLV Gred DV19 Perkhidmatan Gunasama Persekutuan **pada 31 Disember 2014 dan sebelum** (tidak hilang kekanan yang boleh menyebabkan tarikh lantikan berubah kepada tarikh 1 Januari 2015 dan seterusnya);
- 2.3 Markah wajaran LNPT bagi **tiga (3) tahun terkini (2016, 2017 dan 2018 adalah 80% dan ke atas;**
- 2.4 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 2.5 Telah mengisyiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.6 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;

...2/



2.7 Menandatangani Surat Akuan Pinjaman Institusi/Tabung Pendidikan; dan

2.8 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

3. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/tuan/puan, kekosongan jawatan Pembantu PLV Gred DV22 di seluruh Kementerian/Agensi Persekutuan adalah hanya **lapan belas (18) kekosongan** sahaja. Justeru, urusan pengisian jawatan ini akan melibatkan **penempatan semula di beberapa lokasi kekosongan seperti di Lampiran D.**

4. Sehubungan dengan itu, calon-calon yang **tidak bersedia untuk penempatan semula di lokasi seperti yang dinyatakan di Lampiran D** dan telah cukup syarat tempoh perkhidmatan tiga belas (13) tahun serta bakal memohon **kenaikan pangkat secara Time-Based Berasaskan Kecemerlangan Kali Pertama (TBK 1), tidak digalakkan memohon untuk urusan pemangkuhan ini.**

5. Permohonan hendaklah disertakan bersama dokumen-dokumen berikut:

5.1 **Lampiran A** – Borang Pertimbangan Pemangkuhan Perkhidmatan Gunasama Persekutuan Skim Perkhidmatan Pembantu Pegawai Latihan Vokasional Gred DV19 ke Gred DV22

5.2 **Lampiran B** – Borang Perakuan Ketua Jabatan;

5.3 **Lampiran C** – Surat Akuan Pinjaman Pendidikan;

5.4 Surat Keputusan **Tapisan Keutuhan SPRM terkini**; dan

5.5 **Salinan Laporan Penilaian Prestasi bagi tiga (3) tahun terkini (2016, 2017 dan 2018)** yang telah disahkan.

6. Kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/ Datuk/Dato'/tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** seperti maklumat di **perenggan 5** di atas bagi setiap pegawai dari Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/ Datuk/Dato'/tuan/puan ke Bahagian Perkhidmatan **sebelum atau pada 29 Mei 2019 (Rabu)** di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Bahagian Perkhidmatan  
Aras 1, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62510 PUTRAJAYA**  
**(u.p. : Encik Mohd Zulkefley bin Mohd Sabri)**

7. Dimaklumkan bahawa, menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/tuan/puan untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti di Perenggan 2 sahaja dikemukakan ke JPA. BPSM juga perlu menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini (buku rekod perkhidmatan tidak perlu dikemukakan). Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan. Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima tidak akan diproses.

8. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuhan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

i. **Encik Ahmad Azizi bin Hj. Nordin - 03-8885 4304**  
[azizi.nordin@jpa.gov.my](mailto:azizi.nordin@jpa.gov.my)

ii. **Puan Nurul Anis binti Mohd Yusoff - 03-8885 4278**  
[anis.yusoff@jpa.gov.my](mailto:anis.yusoff@jpa.gov.my)

9. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(MOHD ZULKEFLEY BIN MOHD SABRI)**

Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama  
Bahagian Perkhidmatan  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
**MALAYSIA**  
■ : 03-8885 4110  
✉ : zulkefley.sabri@jpa.gov.my